

Dalam perjuangan keadilan sosial dan ekonomi antarabangsa

# Akhbar Tanzania sifatkan PM sahabat sejati

1

over my hills

DAR ES SALAAM 25 Okt. Akhbar yang paling berpengaruh di Tanzania "Daily News" menyifatkan Dato' Sri Dr. Mahathir Mohamad sebagai sahabat sejati dalam perjuangan bagi keadilan sosial dan ekonomi antarabangsa.

Dalam rencana pengarangnya yang disiarkan di muka depan akhbar itu terbitan semalam ia juga menganggap kedatangan Perdana Menteri ke Tanzania selama tiga hari sebagai satu penghormatan bagi negara ini.

Selain dari rencana pengarang, akhbar berkenaan juga menyiarkan berita utama mengenai hasil rundingan Perdana Menteri dengan Presiden Tanzania, Ali Hassan Myinyi.

Selain dari itu, dua lagi berita mengenai pemeterian perjanjian kerjasama ekonomi, teknikal, saintifik serta kebudayaan dan berita mengenai penduduk Dar Es Salaam mengalu-alukan kedatangan Dato' Sri Dr. Mahathir juga disiarkan di muka depan.

Berikut disiarkan sepenuhnya ulasan akhbar berkenaan mengenai lawatan Perdana Menteri:

"Perdana Menteri Malaysia Dato' Sri Dr. Mahathir kini berada di Tanzania untuk lawatan rasmi selama tiga hari.

Walaupun ini merupakan lawatan pertama kali beliau ke negara ini, pemimpin Malaysia itu dikenali oleh ramai rakyat Tanzania kerana beliau kerap disiarkan dalam ber-

---

Daripada  
Rosli Ismail

---

ita sebagai pejuang bagi negara - negara miskin.

Kebanyakan kita mengingati Dato' Sri Dr. Mahathir melalui laporan tentang kerjasama Selatan - Selatan atau perjuangan antara negara miskin di selatan dengan yang kaya di utara.

Di pelancaran laporan Suruhanjaya Selatan - Selatan di Caracas, Venezuela tahun lalu, sebagai contohnya Perdana Menteri Malaysia itu mengemukakan pandangannya bagi penerimaan dan pelaksanaan laporan suruhanjaya berkenaan.

Di majlis itu, Dato' Sri Dr. Mahathir mengumumkan bahawa cadangan - cadangan yang terkandung dalam laporan berkenaan telah lama dilaksanakan sebelum ia dibentangkan kepada umum oleh pengerusi suruhanjaya itu, Julius Nyerere.

Dengan kehadiran Perdana Menteri Malaysia di kalangan kita, ia satu penghormatan. Pemimpin Malaysia ini bukan sahaja teman peribadi rakyat Tanzania tetapi juga rakan sejati dalam perjuangan bagi keadilan sosial dan ekonomi antarabangsa.

Melalui Dato' Sri Dr. Mahathir, Malaysia telah tampil ke depan dalam perjuangan bagi orde baru ekonomi antarabangsa dan

mengecilkkan jurang antara negara kaya dan miskin.

Dalam perjuangan ini, Tanzania dan Malaysia mempunyai banyak yang boleh dikongsi bersama dalam hubungan dua hala dan berbagai hala.

Kedua negara sebagai contohnya telah meluaskan kerjasama dalam industri dan pertanian dengan mengakui hakikat bahawa Malaysia lebih maju dari Tanzania.

Tanzania mungkin dapat mengimport dari Malaysia minyak sawit, tekstil dan kasut manakala Malaysia mengimport kapas dan kulit dari Tanzania.

Kita sekali lagi mengalu - alukan tetamu kehormat kita dan rombongan beliau dengan mengucapkan selamat sejahtera semasa di Tanzania dan mengadakan rundingan yang banyak mendatangkan hasil dengan pemimpin kita bagi faedah bersama kedua negara serta mengukuhkan lagi semangat Selatan - Selatan.

*Karibu sana* (selamat datang).

Sementara itu, sehari sebelum ketibaan Perdana Menteri dari Harare ke sini kelmarin beberapa buah akhbar tempatan di sini telah menyiarkan di muka depan masing - masing mengenai lawatannya.

Malah, ucapan Dato' Sri Dr. Mahathir di majlis makan malam yang diberikan oleh Presiden Ali Hassan malam semalam telah disiarkan secara langsung oleh Radio Tanzania.